

UNIVERSITI SAINS MALAYSIA

Peperiksaan Semester Tambahan

Sidang Akademik 1992/93

Jun 1993

FKF 333 Farmakokimia Sistem Saraf Pusat

Masa: (3 jam)

Kertas ini mengandungi ENAM (6) soalan.

Jawab LIMA (5) soalan sahaja.

Semua soalan mesti dijawab dalam Bahasa Malaysia

...2/-

1. (A) Bincangkan antigelugut-antigelugut dari segi:

- (i) lukiskan struktur induk di bawah pengelasan kimianya.
- (ii) metabolismenya.

(10 markah)

(B) Merujuk kepada nama kimia 5-o-fluorofenil-2,3-dihidro-1-metil-7-nitro-1H-1,4-benzodiazepin-2-on, jawab semua bahagian (i) - (iii) berikut:

- (i) lukiskan strukturnya
- (ii) namakan kegunaan klinikal utamanya
- (iii) pengionan dalam larutan pH 2

(10 markah)

2. (A) Bincangkan tiga (3) fasa utama serangan epilepsi jenis am.

(6 markah)

(B) Sebutkan satu (1) jenis epilepsi am.

(2 markah)

...3/-

- (C) Bincangkan tiga (3) contoh ubat untuk merawat keadaan tersebut. Senaraikan ketiga-tiga contoh ini mengikut keutamaan.

(12 markah)

3. (A) Bincangkan barbiturat-barbiturat dari segi:

- (i) perhubungan struktur-keaktifan
- (ii) metabolismenya

(10 markah)

- (B) (i) Bincangkan mekanisme-mekanisme tindakan agen anestetik.

(6 markah)

- (ii) Lakarkan gambarajah lintasan-lintasan metabolisme alkohol.

(4 markah)

...4/-

4. (A) Terangkan dengan ringkas tentang:

- (i) psikotoksin
- (ii) nilai-nilai pKa 3.2 dan 10.8 bagi 2,3-dihidro-7-nitro-5-fenil-1H-1,4-benzodiazepin-2-on.

(10 markah)

(B) (i) Tuliskan nota ringkas tentang:

- (a) tindakan pusat amfetamina
- (b) aktiviti relatif xantina

(6 markah)

(ii) Terangkan kesan-kesan buruk akibat menghisap rokok.

(4 markah)

...5/-

5. (A) Seorang pesakit perempuan berusia 72 tahun telah didiagnosiskan sebagai mengidapi penyakit Parkinson idiopatik.

(i) Apakah ciri-ciri utama penyakit ini?

(ii) Apakah pendekatan(-pendekatan) farmakologi yang boleh diambil untuk merawat penyakit ini?

(iii) Bincangkan contoh(-contoh) ubat anti-Parkinson yang sesuai untuk keadaan ini.

(15 markah)

(B) Bincangkan Parkinsonisme-induksian ubat dengan memberi contoh-contoh ubat yang terlibat.

(5 markah)

6. (A) Bincangkan metabolisme tentang

(i) 3-kloro-5-(3-dimetilaminopropil)-10,11-dihidro-5H-dibenz[b,f]azepina

(ii) kloral hidrat

(iii) 3-(2-dimetilaminoetil)indol-4-il dihidrogen fosfat

(10 markah)

...6/-

(B) Sekiranya seorang pesakit dikatakan mengalami keadaan 'psikosis fungsi', jawab soalan berikut

- (i) apa itu 'psikosis fungsi'?
- (ii) beri satu contoh keadaan ini.

(3 markah)

(C) Anda diminta mencadangkan rawatan untuk keadaan yang dinyatakan dalam jawapan (ii) di atas, huraikan cadangan anda dengan memberi contoh-contoh ubat yang sesuai.

(7 markah)

-ooOoo-